

MCA Pandan bawa 'kembar' Najib berkempen pikat pengundi
Malaysian Insider
April 25, 2013
Oleh Syed Jaymal Zahiid

PANDAN, 25 April — Sekilas pandang, orang mungkin terkeliru kelibat pemuda berbaju biru Barisan Nasional (BN) yang seiras dengan Datuk Seri Najib Razak.

Walau bagaimanapun, ia meleset kerana pemuda tersebut yang lebih rendah dan berambut hitam terpacak bukan perdana menteri tetapi anaknya Mohd Nazifuddin.

Beliau turun untuk membantu calon MCA di Pandan, Gary Lim untuk memikat pengundi dengan imej baiknya serta keperibadian yang mesra.

Ironinya, MCA kini dilihat tidak memiliki kelebihan walaupun tidak pernah ditewaskan sejak Pandan menjadi kawasan Persekutuan selepas persempadanan semula tiga penggal lalu.

Ia adalah jelas parti komponen BN tersebut mengambil kesempatan populariti Najib dengan menggunakan anak Najib untuk menangkis sokongan pengundi masyarakat Cina.

"Daripada maklum balas mereka saya boleh melihat mereka ikhlas, penuh dengan kegembiraan dan perasaan ini bukan sahaja di Teratai, tetapi juga di seluruh Malaysia.

"Keyakinan terhadap BN semakin meningkat," kata Nazifuddin kepada wartawan di sebuah restoran selepas meninjau sekitar kawasan komersial majoriti Cina di sini.

Teratai adalah salah satu daripada tiga kerusi Dewan Undangan Negeri yang berada dalam Pandan di mana MCA akan berhadapan pertarungan empat penjuru dengan DAP dan dua calon bebas lain. Salah satu calon bebas tumpuan adalah Jenice Lee yang telah dipecat dari DAP kerana ingkar dan bertanding secara bebas.

Perebutan sengit di kerusi negeri itu memberikan gambaran kecelaruan dalam perlumbaan menjelang pilihan raya di kerusi Parlimen Pandan.

Di peringkat Parlimen, kawasan ini dikatakan lebih teruk. Keputusan yang didorong oleh persaingan MCA untuk menggugurkan calon popular yang juga penyandang Datuk Seri Ong Tee Keat dan menggantikannya dengan peguam Gary Lim boleh mengancam peluang parti itu untuk mengekalkan kerusi parlimen tersebut.

Di tengah-tengah kehilangan sokongan daripada masyarakat Cina, pengundi terbesar di Pandan, MCA berhadapan dengan calon paling sukar Rafizi Ramli daripada PKR yang berada pada tahap terbaik.

Rafizi yang terkenal dengan sebagai "lelaki pembocor rahsia" daripada pembangkang dan baru-baru ini dengan pendedahan salah laku Lim dilihat memberi kelebihan kepada ketua strategik PKR tersebut untuk menang.

Seorang pekerja parti berkata dilema dalam MCA menyebabkan parti tersebut bergelut untuk mencari formula mengubah nasib malang mereka dan Nazifuddin dianggap sebagai faktor yang boleh memulihkan semula peluang parti untuk menang.

"Ya, itu benar kami ketinggalan. Tetapi kita tahu Najib adalah popular di kalangan orang

Cina. Jadi mungkin anak Najib boleh membantu kita mendapatkan sokongan," kata pekerja parti yang enggan namanya didedahkan.

Turun ke padang, Nazifuddin melawat restoran , gerai-gerai dan kedai di kawasan yang majoritinya masyarakat Cina boleh dianggap sebagai satu kejayaan.

Orang ramai boleh merasai misinya untuk meniru pendekatan bapanya semasa berbual dengan orang tempatan, memperlihatkan dirinya yang sama taraf dengan pengundi berbeza sama sekali dengan sikap lama pemimpin BN yang hidung tinggi.

Malah, beliau juga melawat pejabat DAP tempatan dan berjabat tangan dengan semua orang di sana dan mengucapkan selamat berjaya kepada mereka. Kebanyakan pekerja parti pembangkang kelihatan kagum dan begitu juga orang ramai yang lain.

Namun penduduk Cina tempatan berkata walaupun penampilan Nazifuddin mempunyai persamaan dengan bapanya dan mungkin suatu kejutan yang "menyenangkan", tetapi ia bukan satu kemestian untuk mereka mengundi Najib pada pilihan raya nanti.

"Wahh apabila saya mula-mula melihat beliau, saya tidak pasti beliau kelihatan seiras seperti PM terutamanya apabila ramai orang BN banyak dan jurukamera mengikutinya," kata Poh, 47, salah seorang pengundi Teratai.

Apabila ditanya sama ada dia merasakan Najib adalah seorang pemimpin yang baik dan anak beliau sendiri turun untuk meminta mereka mengundi BN, Poh Berkata:

"Dia seorang lelaki yang baik lah," merujuk kepada Nazifuddin.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-pandan-bawa-kembar-najib-berkempen-pikat-pengundi/>